

BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG PERTAMA BAGI PENGGAL YANG KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA YANG TELAH DIADAKAN PADA HARI ISNIN 14HB. APRIL 1980

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL YANG KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KELIMA YANG AKAN DIADAKAN PADA HARI ISNIN, 14HB. APRIL, 1980, JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

- 1. Doa.
- 2. Ucapan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri.
- 3. Membentangkan Risalat-Risalat:

Bil. 1 tahun 1980	Anggaran Biasa Tambahan Yang Pertama Tahun 1979, bagi Negeri Pulau Pinang.

Bil. 2 tahun 1980 —	Anggaran Pembangunan Tambahan
	Yang Pertama Tahun 1979, bagi Ne-
	geri Pulau Pinang.

Bil. 3 tahun 1980	Penyata-Penyata	Kewangan	Negeri
	Pulau Pinang bagi	tahun 1977.	

Bil. 4 tahun 1980 -	Penyata Juru Odit Negara, Malaysia
	Mengenai Kira-Kira Negeri Pulau Pi-
	nang bagi tahun berakhir pada 31hb.
	Disember, 1977.

Bil. 5 tahun 1980	 Lapuran Jawatankuasa Kira-Kira
	Awam atas Kira-Kira Negeri Pulau
	Pinang bagi tahun berakhir pada 1974.

4. Usul Ucapan Terimakasih:

Y.B. Encik Abdullah bin Mohd. @ Mahmud mencadangkan: -

"Bahawa kami, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, mohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri kerana telah berkenan melafazkan Ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Yang Pertama bagi Penggal Yang Kedua pada 14hb. April, 1980."

5. Soalan-soalan:

- (A) (Mulut)
 - (I) Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. a) Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah rundingan menentukan sempadan antara negeri Pulau Pinang dengan Kedah telah diadakan; dan

- b) Penentuan sempadan antara Pulau Pinang dengan Kedah ialah Sungai Muda. Adakah kedua-dua negeri ini mendapat nasihat daripada Peguam Negara atau ditentukan oleh kedua-dua negeri sendiri?
- 2. Berapa ramaikah rakyat Negeri Pulau Pinang yang berugama Islam tidak membayar fitrah pada tahun Hijrah 1399 dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri ini terhadap mereka-mereka yang engkar?
- 3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini kenapakah Kerajaan Negeri ini suka sangat mengambil Juruterajurutera Perunding dari negara luar untuk membuat kajian ke atas projek-projek pembangunan? Adakah negara ini kekurangan Jurutera-Jurutera seperti itu?
- 4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan atau telah membuat kajian dalam laut Selat Melaka untuk mendapatkan sumber Minyak untuk Negeri Pulau Pinang?
- 5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah projek rumah peralihan akan dibangunkan di kawasankawasan Tasek Gelugor, Bertam & Penaga?
- 6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah keputusan yang telah diambil hasil dari lawatan satu rumbungan ke Kelantan baru-baru ini untuk membuat kajian bagi menyelaras sukatan pelajaran Agama Islam di Sekolahsekolah Agama Rakyat?

Bilakah pengumuman keputusan itu akan diberitahu?

- 7. Bilakah perlantikan untuk jawatan Pengelola Sekolah-sekolah Agama Rakyat akan diumumkan dan huraikan bidang-bidang tugasnya?
- 8. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah tanah seluas lebih 100 ekar di Kuala Muda itu akan diberikan kepada orang ramai atau nelayan di situ seperti yang telah dijanjikan oleh Majlis Daerah Utara Seberang Perai dahulu?
- 9. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah rancangan Integerasi di Sungai Kerek akan dimulakan dan bilakah ianya akan siap?
- 10. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mendirikan Zoo Negeri Pulau Pinang supaya sesuai dengan kemajuan pelancungan di negeri ini?

- (II) Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. Memandangkan bahawa feri di Bukit Tambun/Batu Kawan kerapkali rosak, bolehkah YAB Ketua Menteri memberitahu adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan bagi membina sebatang jambatan bagi mengurangkan kedudukan bahaya dari menggunakan feri tersebut? Adakah projek ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat?
 - 2. Memandangkan bahawa Kerajaan Negeri telah menandakan Nibong Tebal/Sungai Jawi sebagai sebuah ladang perindustrian dan ianya telah digazetkan di bawah seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960, bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada projek ini akan diteruskan ataupun ditinggalkan? Jika projek ini ditinggalkan bilakah seksyen 8 tersebut dilepaskan?
 - 3. Adakah benar perlinkungan sementara (interim zoning) bagi Seberang Perai Selatan telah dirangka oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan? Jika benar, bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu berapa lamakah Pihak Berkuasa Negeri akan mengambil masa untuk menyelesaikan perlinkungan sementara ini, kerana sebagaimana yang difahamkan terdapat berapa permohonan bagi mengubah syarat kegunaan tanah kepada perindustrian dan perumahan telah ditangguhkan oleh Pejabat Tanah?
 - (III) Y.B. Encik Peter Paul Dason bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan apakah asas yang digunakan untuk melantik ahli-ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk tahun 1980 dan samada pertimbanganpertimbangan politik digunakan sebagai asas untuk membuat perlantikan tersebut?
 - 2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan sebab-sebab mengapa Ahli Yang Berhormat dari Machang Bubuk dengan tibatiba dilantik sebagai Ahli EXCO memandangkan beliau (Ketua Menteri) telah menyatakan dengan tegas dalam mesyuarat Dewan yang diadakan dalam bulan Mei 1979 bahawa adalah tidak perlu untuk melantik seorang lagi Ahli EXCO kerana beliau berpuas hati dengan prestasi Ahli-Ahli EXCO yang sedia ada?
 - 3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:
 - (a) sebab-sebab mengapa anggaran pembangunan asal bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga yang berjumlah \$477,005,700 dipinda kepada \$506,521,750; dan

- (b) mengapa hanya \$126,777,541 digunakan dari tahun 1976 hingga hujung tahun 1979 dan sejumlah \$59,069,600 dianggarkan akan dibelanjakan dalam tahun 1980 dengan meninggalkan sejumlah besar wang sebanyak \$320,674,609 yang tidak digunakan untuk tujuan pembangunan?
- 4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan sebab-sebab mengapa \$41,728,814 daripada \$79,209,150 yang dianggarkan oleh Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi projek-projek pembangunan oleh pihak JKR. di dalam Negeri Pulau Pinang dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga tidak digunakan?
- 5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:
 - (a) projek-projek yang dicadang untuk dilaksanakan bagi pembangunan Bukit Bendera di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang mana projek-projek tersebut dianggarkan oleh Kerajaan Negeri akan menelan belanja sebanyak \$2.5 juta; dan
 - (b) mengapa sebanyak \$1,995,110 dari anggaran bagi berbagai-bagai projek tersebut kini dijangka tidak akan dibelanjakan semasa tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan nyatakan projek-projek yang (i) sudah terbengkalai (ii) ditangguhkan dan beri sebab-sebab mengapa projek-projek tersebut terbengkalai atau ditangguhkan.
- 6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan sebab-sebab mengapa kerja pembinaan 'Permanent Linkage' yang dicadangkan di antara Pulau Pinang dengan Pulau Jerjak yang dirancang untuk dibina semasa tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan dianggarkan oleh Kerajaan Negeri akan menelan belanja \$6 juta masih belum bermula lagi?
- 7. Bolel kah YAB. Ketua Menteri nyatakan mengapa syarikatsyi kat yang berikut yang dimiliki pada keseluruhannya oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ataupun di mana perbadanan tersebut memegang saham majoriti telah mengalami kerugian:

(a) Penang Electronics Sdn. Bhd. — \$2.771 juta (kerugian) setakat hujung tahun 1977.

- (b) Penang Shipping Corporation Sdn. Bhd. \$3.33 juta (kerugian) setakat hujung bulan Disember, tahun 1978;
- (c) Malaysia Foods Berhad \$2.57 juta (kerugian) sehingga bulan Mac, 1977;

dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut?

8. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan projek-projek pembangunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang dijangka dilaksanakan semasa tempoh Rancangan Malaysia

Ketiga yang mana Kerajaan telahpun menganggarkan yang ia terpaksa memberi pinjaman sebanyak \$257,539,000 dan nyatakan mengapa kini hanya sebanyak \$49,166,240 dijangka akan dipinjamkan untuk projek-projek tersebut?

- 9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan mengapa pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah membeli saham-saham di dalam Syarikat Hume Industries (M) Bhd. memandangkan tujuan utama Perbadanan tersebut ialah untuk menyegerakan kemajuan perusahaan di dalam Negeri Pulau Pinang?
- 10. Adakah Y.A.B Ketua Menteri sedar bahawa pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga JKR tidak mahu mengambil alih tugas menyelenggara jalan-jalan di beberapa kawasan perumahan yang mana mutu jalan-jalan tersebut tidak memenuhi taraf yang ditetapkan oleh pihak JKR disebabkan kekurangan wang? Adakah Kerajaan Negeri akan membuat satu keputusan dasar untuk memberi geran kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan untuk membolehkannya meninggikan mutu jalan-jalan tersebut kepada taraf yang dikehendaki oleh pihak JKR?

11. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan:

- (a) jumlah bilangan borang-borang permohonan untuk perumahan awam yang telah dikeluarkan kepada orang ramai:
- (b) bilangan permohonan yang diterima;
- (c) bilakah urusan memproseskan permohonan-permohonan tersebut akan disiapkan; dan
- (d) bilakah pemohon-pemohon akan diberitahu keputusan permohonan mereka itu?
- 12. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada Kerajaan Negeri telah meminta kebenaran Kementerian Perumahan untuk menubuhkan sebuah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang? Jika ya, nyatakan bilakah permintaan tersebut dibuat dan samada kebenaran sudah diperolehi dan jika tidak diberi nyatakan sebab-sebabnya?

13. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan:

- (a) berapa peratuskah dari penduduk-penduduk yang akan diperuntukkan perumahan kos rendah oleh Kerajaan Negeri;
- (b) "backlog" yang terdapat di perumahan awam kos rendah, dan
- (c) bilangan yunit-yunit rumah awam kos rendah yang diperlukan dalam masa lima tahun akan datang akibat dari

pertambahan penduduk serta juga akibat penghijrahan ke Negeri Pulau Pinang (tidak termasuk "backlog" yang ada)?

14. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:

- (a) jumlah rumah-rumah yang dibina dan dijual oleh Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan kedua-dua Majlis Perbandaran Negeri Pulau Pinang kepada orang ramai dengan harga tidak lebih dari \$20,000 setiap yunit dalam tempoh bulan Januari, 1976 hingga bulan Disember, 1979; dan
- (b) jumlah bilangan yunit rumah-rumah awam kos rendah yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan kedua-dua Majlis Perbandaran Negeri Pulau Pinang dalam tahun 1980 dan sila nyatakan lokaliti, bilangan, jenis dan harga bagi setiap yunit?
- 15. Belehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan berapa peratuskah dari hasil negeri bagi tahun 1979 digunakan untuk tujuan mengserviskan pinjaman-pinjaman dengan memberikan angka-angka berasingan untuk:
 - (a) bayaran faedah; dan
 - (b) bayaran balik "Principal" ke atas pinjaman-pinjaman yang diperolehi dahulu oleh Kerajaan Negeri, dan juga nyatakan peratus hasil negeri yang dijangka akan digunakan dalam tahun 1980 bagi tujuan-tujuan yang sama dengan memberikan butir-butir lanjut seperti di atas?
- 16. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar:
 - (a) masaalah mendapatkan tempat untuk meletak kereta di kawasan Perumahan Padang Tembak (Rifle Range) kini sungguh rumit;
 - (b) bahawa kereta-kereta dilarang dari diletak di sepanjang kedua-dua belah jalan dari Jalan Boundary ke Jalan Padang Tembak berhampiran dengan kawasan perumahan tersebut; dan
 - (c) bahawa sebilangan besar penghuni-penghuni di kawasan Perumahan Padang Tembak yang memiliki kereta didenda oleh pihak polis kerana meletakkan kereta-kereta mereka di sepanjang Jalan Boundary hingga Jalan Padang Tembak oleh kerana mereka tidak mempunyai tempat untuk meletakkan kereta-kereta mereka. Adakah Kerajaan Negeri akan menasihat pihak Majlis Perban-

daran Pulau Pinang supaya membatalkan papan-tanda 'No Parking' dari sebelah jalan-jalan tersebut serta juga membenarkan mereka meletakkan kereta-kereta di sepan-jang jalan-jalan tersebut di antara pukul 7 malam hingga 7.30 pagi supaya dapat mengatasi masaalah kekurangan tempat untuk meletak kereta di kawasan perumahan tersebut?

- 17. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan mengapa walaupun penghuni-penghuni setiap flet di kawasan perumahan Padang Tembak membayar bayaran penyelenggaraan sebanyak \$10/- setiap bulan:
 - (a) bahagian-bahagian luar flet-flet tersebut setakat ini masih belum lagi dicatkan semula sejak dibina;
 - (b) berapa pintu yang terdapat dihujung saluran sampah telah runtuh dan akibatnya pintu-pintu tersebut tidak dapat ditutup dengan baik. Mengapakah pintu-pintu tersebut masih belum digantikan; dan
 - (c) beberapa tong sampah yang terdapat di bawah saluran sampah (rubbish chutes) telah hilang dan masih belum diganti sehingga beberapa bulan?
- 18. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan mengapa meskipun terdapat banyak aduan-aduan yang dibuat oleh penghuni-penghuni di kawasan perumahan Padang Tembak tentang lif-lif yang kerapkali rosak dan "malfunction" nampaknya masih tiada langkah-langkah yang berkesan diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut?
- 19. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar lampu-lampu isyarat yang didirikan di kawasan perumahan Padang Tembak di antara Blok E dan Blok F di sepanjang Jalan Boundary dan Jalan Padang Tembak sebelum pilihanraya umum tahun 1978 hingga kini masih belum lagi dijalankan? Jika ya, nyatakan sebab-sebab mengapa terdapat kelewatan tersebut dan bilakah penggunaan lampu-lampu isyarat itu akan dimulakan?
- (IV) Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. Baru-baru ini, sebuah akhbar tempatan telah menyiarkan satu pengumuman yang dibuat oleh Y.B. Dr. Goh Cheng Teik, iaitu Ahli Parlimen Kawasan Nibong Tebal, merangkap Timbalan Menteri Pengangkutan yang mengatakan bahawa Y.B. Menteri Kewangan telah bersetuju hendak memberi peruntukan sebanyak \$3½ juta bagi membina sebuah jambatan menghubungkan Bukit Tambun dengan Batu Kawan. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sudahkah Pihak Kerajaan Negeri diberitahu mengenai perkara ini? Jika telah diberitahu, bilakah kerja-kerja pembina-

- an jambatan tersebut akan dijalankan? Adakah peruntukan sebanyak \$3½ juta itu mencukupi bagi membiayai projek tersebut? Jika tidak cukup, pihak manakah yang akan bertanggungjawab bagi membereskannya?
- 2. Adakah Hasil Ban yang dipungut di Seberang Perai Selatan sudah mencapai targetnya iaitu mencukupi perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh pihak yang berkenaan bagi membina ban-ban yang tersebut dan sebagainya?
 - (a) Jika sudah sampai targetnya, saya ingin bertanya kepada YAB. Ketua Menteri, adakah pihak yang berkenaan bersedia untuk menghentikan pungutan hasil ban tersebut;
 - (b) Jika masih belum tercapai targetnya, saya ingin tahu hingga bilakah pungutan hasil ban ini akan diteruskan, dan
 - (c) Saya ingin tahu, berapa banyakkah pungutan hasil ban yang dapat dipungut oleh pihak yang berkenaan pada tiap-tiap tahun di Seberang Perai Selatan dan berapa banyakkah pula perbelanjaannya?
- 3. (a) Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu berapa banyakkah pendapatan tambahan daripada taksiran semula atas hartabenda oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai pada tahun ini?
 - (b) Jika tidak ada pendapatan tambahan, apakah tujuan utama pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai mengadakan taksiran semula tersebut?
- 4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu samada sudahkah pekan Nibong Tebal, Sungai Bakap dan Simpang Ampat di Seberang Perai Selatan itu digazet sebagai bandar? Jika ya, bilakah digazet? Jika tidak, mengapakah pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai memungut hasil rumah mengikut kadar bandar bagi ketiga-tiga pekan itu?
- 5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu bahawa semasa lesen-lesen untuk menangkap ikan bagi nelayan-nelayan pantai dikeluarkan, adakah pihak yang berkenaan menetapkan kawasan-kawasan penangkapan ikan? Jika ada, bagaimanakah caranya? Jika tidak, adakah menjadi satu kesalahan jika seorang nelayan pantai dari tempat A pergi menangkap ikan dan sebagainya ke tempat B?
- 6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah syaratsyarat penggunaan tanah bagi seluruh Seberang Perai pada keseluruhannya sama atau tidak? Jika sama, mengapakah kerapkali didapati di Daerah Selatan berbeza dengan Daerah Tengah dan Utara? Jika tidak sama, mengapa?

- (V) Y.B. Encik Seow Hun Khim bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar tentang orang ramai di Bukit Mertajam yang terpaksa berbaris panjang di tengah panas untuk membayar bil-bil letrik dan air? Jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini?

Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: —

- (a) bilangan permohonan rumah kos rendah yang telah diterima sehingga 31.3.80 dari kawasan-kawasan Pulau Pinang, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan;
- (b) tempuh masa yang diperlukan untuk memproses permohonan-permohonan ini;
- (c) bilangan pemohon-pemohon yang layak mendapat rumah kos rendah di kawasan-kawasan tersebut di atas dan analisa bilangan ini mengikut keturunan bangsa;
- (d) bilangan rumah-rumah kos rendah yang telah dibina atau sedang dibina di kawasan-kawasan tersebut di atas; dan
- (e) tempuh masa yang diperlukan oleh Kerajaan negeri untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah.
- 3. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar Majlis Perbandaran Seberang Perai biasanya mengambil masa panjang untuk meluluskan sesuatu pelan binaan (building plan). Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan pelan-pelan itu akan diluluskan dengan secepat mungkin?

4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: --

- (a) mengapa surat hakmilik tidak diberi kepada pendudukpenduduk 52 yunit rumah kos rendah, peringkat 1, di Kampung Berapit, Bukit Mertajam apabila pembayaran wang ansuran sebanyak \$26,000.00 telah diselesaikan dari tahun 1961 hingga 1975; dan
- (b) bilakah surat hakmilik itu akan dikeluarkan?

5. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar: -

- (a) projek perumahan kos rendah di Kampung Permatang Tinggi telah tergendala buat beberapa kali sejak ia dimulakan pada Julai, 1977 dan masih belum disiapkan walaupun ia dijangka siap pada tahun 1978;
- (b) setengah bahan-bahan binaan projek ini telah didapati rosak; jika ya, adakah bahan-bahan rosak akan diganti dan siapakah akan menanggung kos tambahan ini; dan

- (c) pemohon-pemohon yang layak sangat memerlukan rumah itu, jika ya, bilakah projek ini dijangka siap. Berapakah harga yang dianggarkan bagi setiap yunit?
- 6. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa tuntutan hasil penilaian rumah untuk 1980 berada dalam keadaan kacaubilau di mana rumah-rumah yang mempunyai saiz dan rekabentuk sama yang dikenakan kadar hasil rumah yang berlainan? Kononnya, rumah kedai No. 241 dan 245 di Jalan Besar, Bukit Mertajam, dikenakan bayaran hasil penilaian rumah untuk setengah tahun sebanyak \$367.20 dan \$502.56 masing-masing. Jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk menentukan tuntutan hasil penilaian rumah dilakukan dengan adil dan berpatutan?

7. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil terhadap projek perumahan di Lot 104, Mk. 10, Bukit Kecil, Bukit Mertajam, yang dijangka bermula pada tahun 1975 tetapi telah tergendala, yang mengakibatkan pembeli-pembeli rumah itu mengalami kerugian besar; dan
- (b) samada aduan-aduan pembeli telah diterima oleh Pegawai Daerah, Bukit Mertajam; jika ya, apakah aduan-aduan ini?
- 8. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar tentang kesulitan dan penderitaan 10 keluarga orang India yang telah tinggal di Quarters J.K.R. di Jalan Tanah Liat, Simpang Tiga, Bukit Mertajam, sejak 15 tahun lalu, tetapi sekarang mereka di-kehendaki berpindah pula ke tempat lain kerana 55 yunit rumah kos rendah Kerajaan Negeri akan dibina di tempat itu. Jika ya, adakah Kerajaan Negeri berjanji akan memberi ke-utamaan kepada 10 keluarga yang terlibat supaya mereka di-untukkan yunit-yunit rumah kos rendah tersebut apabila siap kelak?
- 9. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa orang ramai di Sungai Udang terpaksa bertukar bas dua kali dalam perjalanan mereka ke Sungai Bakap untuk membayar bil air dan ini memerlukan wang dan masa. Jika ya, adakah yunit bergerak (mobile unit) dihantar ke Sungai Udang seminggu sekali untuk mengutip bayaran bil air? Jika tidak, mengapa?
- 10. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan kira-kira pendapatan dan perbelanjaan Pesta Pulau Pinang bagi tiap-tiap tahun sejak ianya mula diadakan sehingga sekarang. Jika ada sebarang keuntungan, adakah wang itu dilabur? Nyata-kan jenis pelaburannya?

11. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: —

(a) bilangan trak Dempster yang dibeli oleh Majlis Perban-

daran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai:

- (b) harga bagi setiap kenderaan ini;
- (c) sejauh mana sampah sarap di Pulau Pinang dan Seberang Perai telah dikutip dengan kemasnya sejak kenderaan ini digunakan; dan
- (d) samada trak-trak sampah lama masih digunakan; jika tidak, apakah yang akan dibuat terhadap kenderaan lama itu?
- 12. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan samada benar pembuangan najis di Seberang Perai akan diberi kepada seorang kontraktor pada suatu masa kelak? Jika ya, bagaimana kedudukan pekerja-pekerja Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah diupah oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk membuang najis?
- 13. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan samada benar pembangunan luar bandar akan dilaksanakan selaras dengan pembangunan bandar sebagaimana yang dikatakan oleh beliau semasa bangunan kompleks Pejabat Daerah di Sungai Bakap dibuka oleh beliau semasa bangunan kompleks Pejabat Daerah di Sungai Bakap dibuka dengan resminya baru-baru ini? Jika ya, nyatakan jenis-jenis projek pembangunan yang telah dilaksanakan di Seberang Perai Selatan sejak 15 tahun yang lalu.

14. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: —

- (a) bilangan projek pembangunan negeri yang telah diberi kepada Encik Goh Soon Tee, bapa kepada Timbalan Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen bagi Nibong Tebal sejak 10 tahun yang lalu sehingga sekarang;
- (b) kos setiap projek itu dan tahun-tahun di mana projek itu diberi; dan
- (c) samada tender untuk projek-projek ini diiklankan; jika ya, dalam surat khabar mana dan tarikhnya?
- 15. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan samada sungaisungai dan laut di sekeliling negeri Pulau Pinang telah tercemar? Jika ya, nyatakan nama sungai dan bahagian laut yang telah dicemarkan dan apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk memulihkannya?
- 16. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar baru-baru ini banyak pegawai-pegawai tadbir yang cekap dalam bidang tanah dan bertugas di Pulau Pinang telah ditukarkan ke tempat lain

atas tekanan politik? Misalnya, seorang Pegawai Daerah yang berpengalaman di segi pentadbiran tanah telah ditukarkan ke Pahang untuk mentadbir hospital. Pegawai Daerah ini ditukarkan kerana berselisihfaham dengan Penolongnya sendiri (A.D.O.). Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan negeri supaya kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi?

- 17. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar longkang-longkang monsun tidak dibersihkan kerana pihak Majlis Perbandaran dan Pejabat Taliair sentiasa berselisih di atas tanggungjawab untuk mencuci longkang-longkang? Jika ya, adakah keduadua pihak itu pernah berunding untuk menentukan bahagian longkang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dan menyediakan satu jadual di mana longkang-longkang itu akan dicuci sekurang-kurangnya dua minggu sekali?
- 18. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan samada benar seramai 195 bumiputra dan 89 bukan bumiputra telah mendapat rumah-rumah kos rendah dalam cabutan undi yang diadakan pada 13.3.80 hingga 15.3.80? Jika ya, adakah beliau bersetuju bahawa sistem ini mempunyai kelemahan kerana ia tidak mencerminkan peratus bilangan kaum dalam negeri?
- (VI) Y.B. Encik Ooi Ean Kwong bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:
 - (a) kawasan tanah kepunyaan Negeri atau perbandaran di mana "Tantalum" didapati;
 - (b) Berapa banyakkah yang dijangka diperolehi daripada hasil jualan "Tantalum" itu;
 - (c) Berapa banyakkah yang telah dipungut setakat ini; dan
 - (d) Rancangan-rancangan bagi menggunakan wang ini.
 - 2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:
 - (a) jumlah ekar tanah Kerajaan Negeri yang dikhaskan untuk perumahan umum kos rendah dan di mana letaknya tanah-tanah ini; dan
 - (b) luas tanah yang digunakan bagi projek perumahan di Pulau Pinang dan juga di Seberang Perai setakat ini?
 - 3. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:
 - (a) bilakah pengundian yang akan datang bagi rumah kosrendah Kerajaan akan dijalankan;

- (b) berapa bilangan yunit yang terlibat dan di mana letaknya;
- (c) peratus pembahagian bagi setiap kaum; dan
- (d) adakah semua ahli-ahli pembangkang Dewan Undangan Negeri dijemput untuk menyaksikan pengundian ini.
- 4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan adakah kerajaan negeri bercadang untuk membangunkan Pulau Jerjak menjadi sebuah tempat peranginan dan kalau ada, apakah rancangan yang diatur untuk memajukan Pulau itu?
- 5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: -
 - (a) Jenis subsidi (bantuan) yang diberikan oleh Jabatan Haiwan Negeri kepada penduduk di luar bandar bagi menternak ayam sejak 1979 hingga Mac. 1980; dan
 - (b) Pembahagian mengikut kaum yang menerima subsidi itu
- 6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan bilakah pembinaan sebuah pasar di Green Lane akan bermula?
- 7. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: -
 - (a) Adakah beliau sedar bahawa penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Jalan Caunterhall dan di sebelah Jalan Perak masih menghadapi masaalah banjir bila hujan;
 - (b) Bilakah kerja memperdalamkan dan memperlebarkan Sungei Pinang akan dimulakan;
 - (c) Adakah beliau sedar bahawa akibat daripada banjir sebuah titi batu yang digunakan oleh pelajar-pelajar dari Kampong Dodol dan sekitarnya untuk berulang-alih ke Sekolah Menengah Abdullah Munshi hampir runtuh; dan
 - (d) Bilakah kerja pembaikan akan dimulakan dan berapakah jumlah perbelanjaannya?
- 8. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: -
 - (a) Langkah-langkah yang telah diambil untuk menempatkan semula keluarga-keluarga yang terlibat dalam projekprojek pembangunan negeri di Mk, 12 Sungai Ara;
 - (b) Kawasan alternatif yang ditawarkan kepada mereka bagi penempatan semula;
 - (c) Berapa banyak ganti rugi yang diberikan kepada setiap keluarga;

- (d) Apakah jenis rumah kos rendah yang ditawarkan kepada mereka dan juga harga sebuah yunit rumah itu; dan
- (e) Adakah gantirugi ini berdasarkan nilai tanah itu pada masa Seksyen 4, Akta Kanun Tanah Negara dikuatkuasakan atau berasaskan nilai pada masa pengambilan?
- 9. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beri sebab-sebab tentang jemputan kepada Dr. B.T. Koulik, Duta Russia ke Pulau Pinang pada Disember, 1979?
- 10. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: --
 - (a) Jenis sokongan yang diberi kepada Penang Arts Council dan State Musium Board dari 1975 hingga 1979; dan
 - (b) Adakah rancangan-rancangan bagi memajukan keduadua badan ini pada tahun 1980?

11. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu: --

- (a) sebab-sebab mengapa sambutan daripada pihak-pihak yang mempamirkan barang-barang di Pesta Pulau Pinang kian merosot setahun demi setahun;
- (b) Adakah beliau sedar bahawa 20 gerai telah dibina secara haram di dalam kawasan Pesta itu pada Disember 1979 tanpa pengetahuan pihak berkuasa;
- (c) Siapakah yang bertanggungjawab atas pengurusan kawasan Pesta itu; dan
- (d) Adakah lopuran dibuat kepada Biro Siasatan Negara tentang pembinaan gerai-gerai tersebut?

12. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: -

- (a) Berapa banyakkah jumlah yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Yayasan Tun Sardon?
- (b) Adakah kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin membantu organisasi-organisasi yang menolong orang-orang cacat setelah pembentukan Yayasan ini; dan
- (c) Berapa banyakkah bantuan yang diberikan kepada setiap organisasi kecacatan (pembahagian angka-angka tahunan bagi organisasi-organisasi ini termasuk Rumah Orang Tua dan Rumah anak yatim).

13. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:

(a) Adakah beliau sedar bahawa Majlis Perbandaran Pulau

Pinang telah berhenti memberi lesen penjaja baru. Jika sedar, sila beri sebab-sebab tindakan ini diambil; dan

(b) Bilangan penjaja yang mempunyai lesen di Pulau Pinang pada 31.3.80.

14. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan:

- (a) Adakah beliau sedar bahawa truk-truk sampah Majlis Perbandaran yang membawa sampah sarap ke kawasan pembuangan di Jalan Jetty, Jelutong, telah mengakibatkan gangguan dan ancaman kesihatan kepada pendudukpenduduk di rumah pangsa yang berhampiran; dan
- (b) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghentikan gangguan dan ancaman kesihatan serta pencemaran udara yang diakibatkan oleh debu yang berkeliaran.

(VII) Y.B. Encik Ahmad bin Salleh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

- 1. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa kerja-kerja memperoses permohonan lesen tanah TOL di negeri ini terlalu lembab? Jika sedar, apakah langkah yang sedang dan akan diambil dan bila tindakan sewajarnya akan dibuat?
- 2. Pada satu ketika, Dewan ini telah diberitahu bahawa Keraja an akan memperuntukkan satu kawasan perindasterian di Seberang Perai Selatan. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada projek ini akan dilaksanakan? Jika projek ini dilaksanakan, dalam Rancangan Malaysia yang ke berapakah ianya akan dimulakan? Jika tidak, sila beritahu penjelasan mengenainya.
- 3. Dalam sidang Dewan yang lalu, YAB. Ketua Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan akan melaksanakan satu rancangan kampung contoh dan projek kelumpok di kawasan Sungai Chenaam, Seberang Perai Selatan. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu sejauh manakah projek ini sudah dirancang dan diatur? Jika projek ini telah dirancang, bilakah ianya akan dilaksanakan? Apakah kemudahankemudahan asas yang sudah dijalankan dan berapakah peruntukan yang terlibat?
- 4. (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa kelewatan perlaksanaan membina dan membaiki parit dan taliair di kawasan Balik Pulau, Seberang Perai Utara dan Tengah telah menyebabkan tanah-tanah sawah menjadi tanah rang? Jika sedar, bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, apakah langkah yang telah diambil bagi membaikinya; dan

- (b) Seperti yang telah dimaklumkan, dalam tahun 1978 peruntukan telah diberi melalui JPT. bagi melaksanakan projek-projek di beberapa kawasan. Adakah benar atau tidak? Jika ya, nyatakan sebab-sebabnya dan apakah tindakan yang telah diambil di atas kelewatan perlaksanaan projek-projek itu.
- 5. Terdapat lebihkurang 500 ekar sawah di Sungai Tok Tuntong dan jalan baru Sungai Bakau yang tidak dapat diusahakan akibat kemarau.
 - (a) Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah apa-apa kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Pertanian? Jika ada, berapa ekarkah sebenarnya dan berapa pula bilangan keluarga tani yang terlibat; dan
 - (b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil jika lapuran dan kajian yang sebenar telah didapati dan adakah Kerajaan bercadang akan memberi sebarang bantuan yang boleh mengatasi kesulitan mereka?
- (a) Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini jumlah rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan Negeri dan PDC;
 - (b) Dari jumlah itu berapakah yang sudah diberi mengikut kawasan; dan
 - (c) Mengapa pembahagian rumah berjalan begitu lambat pada hal ada rumah-rumah yang telah siap dibina lebih dari satu tahun? Adakah salah satu daripada faktornya berpunca dari kekurangan kakitangan? Jika benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi ini?
- 7. Kebanyakan rancangan perumahan yang sedang berjalan dewasa ini tidak dapat dinikmati oleh rakyat golongan bawahan. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan bercadang untuk melaksanakan rancangan rumah rakyat seperti yang dijalankan di setengah-setengah negeri di Malaysia?
- 8. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini butirbutir serta kemajuan yang telah dicapai antara Consortium dan Majlis Perbandaran Seberang Perai mengenai perlaksanaan membaiki pemaritan di Seberang Perai? Bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan?
- 9. Pencerobohan pukat kenka tunda dua (apollo) dari Negeri Perak yang bermula sejak tahun 1976 masih lagi berlaku di perairan pantai Pulau Pinang. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasinya? Jika sudah, sejauh manakah kejayaan yang telah tercapai dan mengapa ianya masih berterusan?

- 10. Dewan ini pernah diberitahu bahawa Kerajaan akan mengkaji untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tempat tinggal bagi penuntut-penuntut kita di Timur Tengah. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan: —
 - (a) sejauh manakah kemajuan atas kajian yang telah dibuat setakat ini; dan
 - (b) bilakah projek-projek ini akan dilaksanakan?
- 11. Selaras dengan dasar Islam sebagai agama rasmi negara ini, apakah rancangan bagi memprektik dan mengemaskinikan pentadbiran tiap-tiap kariah di negeri ini dengan memberikan: —
 - (i) bantuan kewangan sekurang-kurangnya seribu ringgit bagi tiap-tiap satu kariah; dan
 - (ii) mengadakan guru agama yang dibiayai oleh Kerajaan bagi tiap-tiap kariah?
- 12. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada kerajaan akan mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat yang terdapat di negeri ini? Jika ada, bilakah rancangan ini akan dilaksanakan?
- (VIII) Y.B. Encik Karpal Singh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:
 - Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bahawa tanah-tanah yang berkaitan dengan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 yang telah diwartakan untuk pengambilan tetapi telah tidak diambil dan sebab-sebabnya?
 - 2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan apakah tanah-tanah yang telah diperuntukkan untuk Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan setakat manakah tanah-tanah tersebut telah dipergunakan?
 - 3. Bolehkah Y.A.B Ketua Menteri beritahu adakah polisi Kerajaan Negeri mengambil alih tanah untuk kegunaan Badan-Badan Berkanun Persekutuan? Jika ada, nyatakan Badan-Badan Berkanun Persekutuan yang berkenaan dan tujuan ianya diambil?
 - 4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu apakah syarikatsyarikat di mana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mempunyai perkongsian dan nyatakan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh tiap-tiap syarikat tersebut?
 - 5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan bagaimana cara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bercadang untuk mengatasi dengan berkesan kekurangan rumah-rumah jenis murah untuk penduduk-penduduk Pulau Pinang?

- 6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu apakah tujuan beliau melawat Singapura dan hasil-hasil dari lawatan tersebut?
- 7. Menteri Kewangan Tengku Razaleigh telah menyatakan dalam satu jawapan bertulis di Dewan Rakyat baru-baru ini iaitu Kerajaan Persekutuan tidak bertujuan untuk memulih-kan semula taraf Pelabuhan Pulau Pinang. Tengku Razaleigh menyatakan lagi bahawa Kerajaan Persekutuan telahpun menguntukkan sejumlah wang yang besar untuk kemajuan Negeri Pulau Pinang. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan berapakah jumlah peruntukan itu?
- 8. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu kedudukan kemajuan KOMTAR pada ketika ini, dan kedudukan kewangan projek ini? Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan setakat ini? Adakah apa-apa perubahan kepada pelan asal? Jika demikian berapa banyak lagikah yang akan diperbelanjakan? Berapakah jumlah perbelanjaan yang dianggarkan untuk projek ini?
- 9. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah jalan raya yang menghubungi Paya Terubong, Relau, Balik Pulau dijangka siap dan dibuka untuk orang ramai? Nyatakan bilangan penduduk-penduduk yang terlibat dan samada mereka-mereka yang terlibat telah diberi tempat lain.
- 10. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bagaimanakah kedudukan kemajuan perindustrian di dalam Negeri Pulau Pinang?
- 11. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat menebusguna tanah laut memandangkan kepada kekurangan tanah yang sesuai untuk kemajuan?
- 12. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi pengaliran masuk pelancung-pelancung ke Negeri Pulau Pinang?
- 13. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina jalan ke Bukit Bendera?
- 14. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk memajukan Bukit Bendera sebagai 'viable tourist resort'?
- 15. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah biasiswa-biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar di dalam negeri? Berapakah bilangan biasiswa yang telah diberikan dalam tahun 1978 dan 1979? Berapakah biasiswa-biasiswa ini yang telah diberikan untuk universiti-universiti tempatan dan universiti-universiti luar negeri? Sila nyatakan bilangan biasiswa yang diberi mengikut keturunan.

- 16. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini mengenai Kelab ILHAM? Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk memperbaiki dan melengkapkan kelab ini? Berapakah jumlah ahli-ahli setakat ini? Adakah kesemua Pegawai Kanan Kerajaan telah menjadi ahli? Berapakah jumlah Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dalam Negeri Pulau Pinang.
- 17. Gerai-gerai makan di Jalan Brick Kiln kini telahpun digunakan sebagai tempat tinggal dan yang sebahagiannya telah ditutup. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri memandangkan bahawa projek ini adalah satu kegagalan.
- (IX) Y.B. Encik Chin Nyok Soo bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. Memandangkan bahawa Article 152(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

"Nothing in this clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use of the language of any other community in the Federation"

bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah Kerajaan Negeri memberi peruntukan wang kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Hun Meng di Tanjung Bungah untuk bantuan pembinaan sekolah tersebut? Jikalau ada, bila?

- 2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan berkenaan keadaan lalu-lintas di kawasan Air Itam dan Paya Terubong yang telah menjadi satu masaalah:
 - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri mengecilkan bulatan pekeliling (round about) di Air Itam/Bukit Bendera supaya mengurangkan berlakunya kemalangan lalulintas. Kalau boleh, bilakah tindakan akan diambil?
 - (b) Sekiranya ada cara lain (pilihan lain) yang lebih sesuai untuk mengatasi masaalah ini, bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan caranya?
- 3. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa ramai pelawat yang melawat rumah berhala "Kek Lok Si" di Jalan Balik Pulau. Jika sedar, adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengadakan pondok talipon supaya memudahkan pelawat-pelawat menggunakan talipon, terutamanya pelancung-pelancung.
- 4. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah ahli-ahli EXCO diminta mengisytiharkan harta sebelum dan selepas mereka dijadikan ahli EXCO?

- 5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu samada Kerajaan Negeri akan menjual rumah-rumah murah di Jalan Shaik Madar, Jalan Cintra, Jalan Free School dan Jalan Rifle Range?
- 6. Bolehkah YAB. Ketua Menteri nyatakan apakah tindakan sesuai yang akan diambil untuk melicinkan perkhidmatan Majlis Perbandaran terutamanya tentang masaalah najis (Night Soil) di kawasan Kampung Pisang dan Paya Terubong?
- 7. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu tempat melintas (Pedestrian Crossing) di Jalan Paya Terubong di hadapan S.R.J.K. Kong Ming II Paya Terubong supaya menjamin keselamatan murid-murid yang melintas jalan di situ yang selalu mengalami kesesakan lalulintas.
- 8. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar malfungsi sistem Keretapi Bukit Bendera baru-baru ini. Kejadian ini telah membawa banyak masalah kepada penumpang-penumpang dan pelancung-pelancung. Apakah tindakan sesuai yang akan diambil oleh pejabat yang berkaitan supaya kerosakan sistem itu tidak akan berlaku lagi?

9. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu:

- (a) Berapakah jumlah kilang minyak kelapa sawit yang telah ditubuhkan di negeri Pulau Pinang sejak tahun 1969.
- (b) Adakah beliau sedar bahawa kilang minyak kelapa sawit adalah salah satu daripada kilang-kilang yang membawa pencemaran alam sekitar terutamanya terhadap air dan sungai-sungai? Apakah langkah-langkah yang akan atau telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah pencemaran yang disebabkan oleh hasil buangan kilangkilang tersebut?
- 10. Bolehkah YAB. Ketua Menteri beritahu adakah kelulusan diberi di atas penubuhan sebuah kilang kelapa sawit di Nibong Tebal? Adakah benar, penubuhan ini telah diluluskan kepada saudara salah seorang daripada ahli Dewan Undangan Negeri?
- 11. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah benar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan P.D.C. menentang penubuhan Persatuan Pekerja-Pekerja yang terdiri daripada kilang-kilang electronic?

12. Bolehkah YAB, Ketua Menteri beritahu:

(a) Bilakah tanah-tanah lot No. 472, 474, 475, 478 & 479,Mk. 6, Daerah Barat Daya telah diambil oleh kerajaan

di bawah section 4, Akta Pengambilan Tanah, 1960.

- (b) Berkenaan dengan "Pengambilan" tanah-tanah tersebut, bilakah pemilik-pemilik tanah diberitahu?
- 13. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar tentang kedudukan kesihatan pusat penjaja (Hawkers' Centre) di Air Itam? Tempat tersebut hanya dibersihkan sekali seminggu sahaja. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang patut diambil untuk memperbaikinya?
- 14. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar tentang kedudukan kesihatan termasuk sistem penyaliran dan pagar di belakang sungai di Jalan Shaik Madar? Penduduk-penduduk di tempat itu telah membuat pengaduan (complaint) kepada pihak berkuasa tetapi pengaduan mereka telah diabaikan (ignored). Adakah Kerajaan akan mengambil tindakan dan memperbaiki keadaan tersebut?
- 15. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah pihak berkuasa akan memperuntukkan bahan-bahan kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung Sungai Udang, Seberang Perai Selatan untuk memperbaiki "Plank ways" yang sudah rosak?

(B) (Bertulis)

- (I) Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri: —
 - Siapakah yang akan dilantik ke jawatan Yang Di Pertua Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Pulau Pinang? Jika sudah dilantik, bila?
 - 2. Sila senaraikan projek-projek perumahan swasta dan ajensiajensi Kerajaan Negeri yang telah dan akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang mengikut pelan-pelan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang sejak tahun 1978-1980?
 - 3. Bilakah pertukaran nama bandar Butterworth kepada nama Bagan Jaya akan digazet?
 - 4. Bilakah peruntukan wang akan diberikan oleh Jabatan Kemajuan Negeri ini untuk projek membina dewan orang ramai di pekan Tasek Gelugor seperti yang pernah dijanjikan dahulu?
 - 5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh menimbang untuk melantik seorang atau dua wakil dari Kesatuan Sekerja Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang untuk menjadi Ahli Lembaga Pihak Berkuasa Air?

- (II) Y.B. Encik Liang Thau Sang bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah bilangan yunit rumah yang telah dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pada tiap-tiap tahun dari tahun 1976 hingga 1979 di kawasan Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah?
 - 2. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa dalam kawasan perumahan klaster peringkat pertama di Jalan Dato Hussein Onn, Seberang Perai Tengah setakat ini masih belum dibekalkan dengan lampu jalan, walhal peringkat kedua telah mendapat kemudahan tersebut?
 - 3. Kerajaan bercadang untuk membina sebuah sekolah menengah di Ladang Pyre, Jalan Bahru, Seberang Perai Tengah yang akan melibatkan pemindahan lebih kurang 100 orang penduduk. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk menyelesaikan masaalah tempat kediaman bagi penduduk-penduduk yang terlibat?
 - 4. Adalah difahamkan sebuah panggong wayang di Taman Chai Leng telah lama siap dibina dan pihak pentadbiran panggong wayang tersebut sudah lama memohon mendapatkan lesen daripada Kerajaan, tetapi hingga kini lesen tersebut masih belum diluluskan. Bolehkah YAB. Ketua Menteri berikan sebab-sebabnya?
 - 5. Adalah difahamkan bahawa sebuah jalan tar dari Bukit Tambun di Seberang Perai Selatan ke Kawasan Perusahaan Perai akan dibina dan bahagian jalan dari Bukit Tambun ke Ladang Juru telahpun siap dibina. Walaubagaimanapun, adalah diperhatikan bahawa kerja pembinaan jalan telah terhenti. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah bahagian sambungan iaitu dari Ladang Juru ke Kawasan Perusahaan Perai akan dibina dan tarikh projek ini akan disiapkan?
- (III) Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini, apakah projek-projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di Daerah Seberang Perai Selatan seperti jalan-jalan, letrik dan air? Sila berikan angka pecahan bagi setiap projek yang dilaksanakan.
- (IV) Y.B. Dr. Tan Chong Teik bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—
 - 1. Dengan pengambilan tanah oleh Universiti Sains Malaysia di kawasan Sungai Dua, bolehkah YAB. Ketua Menteri beri-

tahu adakah penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar kawasan kaki bukit akan kehilangan jalan untuk masuk-keluar ke Jalan Sungai Dua akibat pemagaran Universiti Sains Malaysia?

Saya difahamkan bahawa satu "paired road" dari projek Bukit Jambul melalui Sungai Dua akan dibina. Kalau benar, bilakah projek jalan ini akan dimulakan dan dijangka siap?

- 2. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa tanda untuk perlebaran Jalan Sungai Dua telah didirikan pada tahun lalu, Bilakah projek memperlebarkan jalan itu dimulakan dan dijangka siap?
- 3. (a) Bila Kerajaan mengambil balik tanah, adakah harga bagi tanah ditetapkan pada masa atau tahun pengambilan? Misalnya di Sungai Ara, Lot No. 526, Mk. 12, tawaran gantirugi tanah ialah 60 sen sekaki persegi pada tahun 1974, tetapi pembayaran gantirugi untuk tanah hanya akan dibuat dalam masa beberapa tahun kemudian memandangkan kepada kenaikan harga tanah dalam masa beberapa tahun selepas pengambilan, adakah Kerajaan menimbang untuk menambah wang gantirugi untuk pengambilan atau memberi faedah di atas harga yang ditetapkan?
 - (b) Bayaran gantirugi untuk penempatan semula ditetapkan pada masa pengambilan tetapi ianya hanya dibayar apabila mereka ditempatkan semula di tempat gantian beberapa tahun kemudian bagi yang meminta tanah. Ini terdapat seperti di Sungai Dua di mana lot-lot 201, 2226, 2227 dan 3230 diambil alih oleh Universiti Sains Malaysia.

Kos untuk membina rumah lain telah naik akibat inflasi. Adakah Kerajaan akan menimbangkan untuk menambah jumlah gantirugi supaya membolehkan rakyat mendirikan semula rumah mereka?

4. Pasar sementara yang ada di Bandar Bayan Baru sekarang telah didirikan 4-5 tahun yang lalu untuk menampung keperluan 500 yunit rumah sahaja, tetapi sekarang terdapat lebih kurang 2,000 yunit rumah di Bandar Bayan Baru telah diduduki dan akan bertambah lagi di tahun ini. Adakah Kerajaan akan membina sebuah pasar tetap untuk menampung keperluan penduduk-penduduk Bahdar Bayan Baru yang kian bertambah? Kalau ya, bilakah pasar itu akan dibina dan bilakah ia akan siap? Adakah Kerajaan akan menimbangkan untuk membina pasar itu berperingkat-peringkat untuk menyesuaikannya dengan bilangan penduduk yang kian bertambah?

- (V) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—
 - Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah rancangan tanaman padi berkelumpuk yang telah dipersetujui oleh Menteri Pertanian Malaysia tempoh hari hendak dijalankan bagi tanah-tanah rang: —
 - (a) di kawasan sawah daerah Bukit Mertajam lebih daripada 3,000 ekar.
 - (b) di kawasan sawah Penaga Daerah Seberang Perai Utara
 lebih daripada 100 ekar.
 - 2. Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa ramaikah penghuni-penghuni rumah murah Kerajaan di perkampungan Berapit Bukit Mertajam pada peringkat pertama dan peringkat kedua.
 - (a) Pada peringkat pertama berapa ramaikah penghunipenghuni yang belum menyelesaikan hutang-hutangnya dan nyatakan nama-nama mereka dan berapakah baki yang masih belum dijelaskan.
 - (b) Pada peringkat kedua berapa ramaikah penghuni rumah tersebut belum menyelesaikan hutang-hutangnya dan nyatakan nama-nama mereka dan berapakah baki yang masih belum dijelaskan?
 - (c) Adakah Kerajaan sedar bahawa penghuni-penghuni rumah tersebut yang telah menyelesaikan hutang-hutang mereka telah membuat permohonan kepada Kerajaan untuk mendapatkan hakmilik atas rumah peringkat pertama dan peringkat kedua? Kalau sedar, bilakah gerangeran tersebut dikeluarkan kepada mereka?
 - 3. Adakah Kerajaan sedar tentang rungutan orang ramai bahawa pihak Jabatan Parit dan Taliair sekarang membelakangkan rancangan pemaritan di sawah padi yang membawa akibat pembekalan air ke sawah-sawah tidak sempurna dan nampaknya pihak Jabatan Parit dan Taliair menumpukan kerja-kerjanya lebih kepada pemaritan di rancangan-rancangan perumahan, terutama rancangan perumahan Kerajaan? Kalau benar, apakah rancangan tindak-balas yang patut dibuat pada masa akan datang bagi keadilan di kedua-dua rancangan itu.
 - (a) Berapa banyakkah peruntukan kepada rancangan kesawah-sawah dalam tahun 1980?
 - (b) Berapa banyakkah peruntukan kepada rancangan perumahan untuk pemaritan dan penyesuaian di rancangan tersebut.

